

Penggunaan *Focus Group Discussion* (FGD) Dalam Meneroka Permasalahan Pengurusan Kunci di Kolej Komuniti Masjid Tanah (KKMT)

Nor Khairi Mohamad Ali
Kolej Komuniti Masjid Tanah
norkhairi79@gmail.com

Norasid Majid
Kolej Komuniti Masjid Tanah
norasid@kkmt.edu.my

Ahmad Rosli Mohd Nor
Kolej Komuniti Masjid Tanah
ahmadrosli75@yahoo.com

Abstract

Security key management as a part of security management for any government agency is a very crucial matter to be taken seriously. It needs to be properly administered to ensure that the secrecy of the country can be fully secured and cannot be easily infiltrated. However, cases like missing, damaged and unauthorized key duplication are still occurred. Similar problem also exists in KKMT so that its own management requested for a specific research conducted to cater this issue. This is due to the fact that majority of KKMT security keys are managed manually and exposed to human error in the course of recording for the borrowing and returning process. Hence, an in-depth study to explore the problems that exist in the key management of the security keys at KKMT and the method to overcome it was carried out. The qualitative research was conducted by using the Focus Group Discussion (FGD) and document analysis (corpus study) as its instruments. The results reveal seven major problems in the management of KKMT security keys such as (i) missing keys (ii) misplaced (iii) damaged (iv) bringing it back to home unintentionally (v) overlooked to record for the borrowing and returning (vi) difficulties to identify the borrower and (vii) the allocated borrowing time is not in line with the lecture time schedule. Therefore, a computerized decentralized system integrated with IoT (Internet of Thing) technology was proposed as the possible solution towards the problem. The method is seen as the best solution to overcome the problems for the security keys management at KKMT.

Keywords: *key management, document analysis, security*

Abstrak

Pengendalian kunci keselamatan merupakan perkara penting dalam pengurusan keselamatan sesebuah agensi kerajaan. Ia perlu diurus dengan sempurna bagi memastikan kerahsiaan negara dapat dijaga dan tidak mudah dibolosi. Namun begitu masalah seperti anak kunci hilang, rosak dibuat pendua tanpa kebenaran dan lain-lain direkodkan masih berlaku. Permasalahan yang sama juga berlaku di KKMT sehinggakan pihak pengurusan sendiri meminta agar kajian dijalankan untuk menanganinya. Ini kerana kebanyakan di KKMT kunci dikendalikan secara manual secara berpusat dan terdedah kepada kesilapan manusia dalam urusan merekod peminjaman dan pemulangan kunci. Justeru satu kajian untuk meneroka secara mendalam mengenai masalah yang wujud dalam pengendalian kunci secara manual di KKMT dan kaedah untuk menanganinya telah dijalankan. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan teknik *Focus Group Discussion* (FGD) dan analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan tujuh masalah utama dalam pengurusan kunci di KKMT ialah (i) Anak kunci hilang (ii) Salah letak (iii) Anak kunci rosak (iv) Terbawa

93

balik kunci (v) Lupa merekod peminjaman dan pemulangan (vi) Kesukaran mengesan peminjam kunci dan (vii) Waktu peminjaman kunci yang tidak selaras dengan jadual waktu kuliah. Satu sistem pengendalian kunci secara tidak berpusat (Disentralisasi) dan berkomputer dengan unsur *Internet of Thing* (IoT) telah dicadangkan sebagai jalan penyelesaian kepada masalah yang timbul. Kaedah ini dilihat mampu memberi solusi yang terbaik untuk permasalahan sistem pengurusan kunci di KKMT.

Kata kunci: pengendalian kunci, analisis dokumen, kawalan keselamatan

1.0 Pengenalan

Kualiti pengurusan pejabat dalam perkhidmatan awam seringkali diperdebatkan di media sosial. Ia boleh menjadi penanda aras keberkesanan perkhidmatan awam kepada masyarakat dan negara. Berdasarkan kajian Suhaida Jamlus (2003) jelas menunjukkan kepentingan pengurusan pejabat yang berkualiti dalam meningkatkan mutu perkhidmatan organisasi kerajaan. Hasil kajian menunjukkan hubungan di antara perkhidmatan berkualiti dengan mutu pengurusan pejabat. Pengurusan kunci keselamatan merupakan salah satu aspek penting dalam pengurusan pejabat dalam menjamin ketelusan, keselamatan dan penjagaan dokumen serta aset penting negara agar tidak dicerobohi oleh pihak luar yang tidak bertanggungjawab (CGSO 2015). Anak kunci perlu dikendalikan dengan penuh teliti dan cermat supaya tidak berlaku kehilangan atau salah letak yang boleh menyebabkan gangguan dalam aspek keselamatan dan penyampaian perkhidmatan.

Setiap penjawat awam yang memegang atau memiliki kunci-kunci jabatan adalah bertanggungjawab ke atas keselamatan kunci-kunci tersebut. Semua penjawat awam yang bertukar atau meminjam anak kunci hendaklah menyerahkan balik semua anak kunci di dalam simpanannya. Manakala penjawat awam yang mengambil alih kunci tersebut perlu membuat perakuan penerimaan anak kunci. Pengurusan kunci boleh dilakukan samada secara berpusat atau berasingan. Anak kunci tidak boleh dilabel atau ditandakan dengan nama dan alamat penggunaannya. Penandaan atau pelabelan boleh dilakukan dengan kaedah kod samada alfabet, numeric, warna atau gabungan kesemuanya. Anak kunci pendua tambahan tidak sekali-kali boleh dibuat tanpa kebenaran Ketua jabatan.

Penyimpanan kunci keselamatan hendaklah mengambil kira bilangan kunci yang ada dan perlu mempunyai ciri-ciri keselamatan yang secukupnya terutama bagi anak kunci pada bahagian yang sensitif atau mempunyai kerahsiaan yang tinggi (CGSO 2015). Ia boleh dilaksanakan samada secara Centralisation (Berpusat) atau Decentralisation (Berasingan) bergantung kepada keperluan sesuatu organisasi.

2.0 Penyataan masalah

Sebagaimana agensi-agensi kerajaan yang lain, Kolej Komuniti Masjid Tanah (KKMT) mempunyai banyak ruang, peti keselamatan dan bilik kebal yang mempunyai dokumen, aset dan peralatan yang sensitif dan mahal. Bagi peti besi yang memerlukan kerahsiaan yang tinggi, ianya perlu dikendalikan secara berasingan dengan kunci-kunci bilik yang lain (Malaysia 2008). Pengurusan anak kunci di KKMT dilakukan secara manual dengan

menulisnya di dalam buku khas dan diselia oleh seorang kakitangan. Namun begitu sering kali berlaku masalah seperti staf yang mengambil kunci tidak menulis dalam buku, salah letak, lupa pulangkan kunci dan kehilangan kunci. Berdasarkan Buku Rekod Pergerakan Kunci KKMT didapati wujud kehilangan kunci yang membawa kepada penukaran set kunci di sesuatu tempat dan melibatkan kos yang tinggi. Malah pengendalian secara manual mempunyai banyak kelemahan dan memerlukan kakitangan yang ramai untuk menyelia. Justeru, satu kajian telah dijalankan untuk meneroka secara mendalam isu dan permasalahan yang mendasari pengendalian kunci secara manual di KKMT. Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Meneroka isu permasalahan dalam pengendalian kunci di KKMT
- ii. Mengenalpasti bentuk penyelesaian yang diperlukan bagi mengatasi permasalahan pengendalian kunci di KKMT.

3.0 Metodologi kajian

Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan teknik Focus Group Discussion (FGD) dan Analisis Dokumen untuk kutipan data.

3.1 Focus Group Discussion (FGD)

Morgan (1996) mendefinisikan FGD sebagai teknik kajian yang menggunakan interaksi kumpulan sebagai instrumen untuk mengutip data. Manakala Berg (2004) mendefinisikan FGD sebagai kaedah temubual untuk kumpulan kecil. Ia adalah satu teknik kajian kualitatif dan dipanggil "Focus" kerana bentuk persoalan yang dikemukakan (Thornton & Faisandier 1998). Penggunaan FGD disarankan oleh Morgan (1996), Ouimet et al. (2001), Bloor et al. (2002) dan Barbour (2007) yang mencadangkan kajian kuantitatif atau kualitatif seperti temubual digabungkan dengan FGD bagi menghasilkan dapatan kajian yang lebih tepat dan bermutu. Namun begitu kaedah ini juga boleh dijadikan kaedah tunggal dalam kajian penerokaan sesuatu situasi atau mendalami sesuatu isu. Proses FGD adalah seperti berikut:

- a. Peringkat Pertama FGD: Menetapkan tempat bersidang dan peraturan asas perbincangan

Vaughan et al. (1996) menegaskan FGD sangat efektif untuk digunakan dalam kajian yang bersifat penerokaan. Ini bersesuaian dengan tujuan kajian yang ingin meneroka permasalahan pengendalian kunci di Kolej Komuniti Masjid Tanah. Justeru, FGD memerlukan persediaan yang baik bagi memastikan keberkesanannya dalam penerokaan fenomena yang ingin dikaji (Morgan 1996). Penetapan lokasi dan tempat perbincangan adalah sangat penting dalam perancangan FGD (Liamputtong 2012). Sebaik-baiknya, lokasi dan tempat perbincangan mesti mampu mewujudkan suasana yang selesa dan positif untuk menghasilkan perbincangan yang produktif (Hennink, 2007). Moderator perlu bersedia untuk dan menyiapkan semua perkara berkaitan tempat perbincangan agar para peserta berada dalam keadaan selesa dan mempunyai persekitaran yang mampu menggalakkan perbincangan. Moderator merupakan kunci utama kejayaan perbincangan dan sangat berpengaruh dalam kelancaran FGD. Mereka perlu pandai memulakan perbincangan dengan formal, perkenalkan semua semua peserta kajian, tetapkan

matlamat perbincangan dan nyatakan maklumat latar belakang tujuan kajian (Smithson 2008). Berikan penekanan kepada kerahsiaan hasil perbincangan dan terangkan bagaimana data-data yang diperolehi akan diteroka dan diproses. Sesi pengenalan ini amat penting untuk membolehkan peserta berbincang dan berani menyatakan pendapat mereka dan seterusnya menggalakkan penerokaan yang lebih mendalam ke atas persoalan kajian yang ingin dibincangkan berdasarkan idea dan pendapat semua panel kajian (Puvenesvary et al 2008; Macnaghten & Myers 2004). Bagi kajian ini, tempat bersidang adalah di Bilik Mesyuarat Kecil yang selesa dan berhawa dingin.

b. Peringkat kedua FGD: Pengenalan individu

Morgan (1996) menegaskan tiga perkara perlu diambil kira dalam permulaan menjalankan FGD. Pertama, FGD merupakan satu method yang khusus untuk kutipan data, oleh itu pengkaji perlu memastikan data dikutip secara semaksimum. Kedua, interaksi yang berlaku dalam FGD merupakan sumber data utama, justeru itu proses interaksi dalam FGD perlu interaktif dan setiap panel perlu membabitkan diri. Ketiga, pengkaji selaku moderator perlu membabitkan diri dengan aktif dalam FGD bagi memastikan aliran perbincangan berjalan dengan lancar dan tiada panel rasa terpinggir dalam perbincangan. Moderator boleh mencelah atau mengulas apa yang diperkatakan oleh responden bagi merancakkan perbincangan. Ini juga akan membantu membina hubungan antara setiap peserta dan membina keyakinan untuk mereka berinteraksi. Pada permulaan sesi, semua panel FGD diminta untuk memperkenalkan diri dan maklumat ringkas mengenai diri masing-masing. Ini bagi memastikan setiap panel lebih mengenali antara satu sama lain dan selesa untuk mereka berinteraksi (Conradson, 2005;). Maklumat-maklumat awal yang dikemukakan oleh peserta boleh digunakan oleh pengkaji dalam perbincangan untuk mencetuskan idea-idea baru dan perspektif yang berlainan daripada peserta (Liamputtong, 2012). Justeru, moderator perlu mempunyai maklumat awal peserta bagi membantunya membuat catatan perbincangan dan mengetahui latar belakang panel dengan lebih awal. Apabila semua maklumat personel telah diterangkan oleh setiap peserta, pengkaji boleh menyelitkan peraturan-peraturan asas perbincangan, faedah-faedah perbincangan dan mewujudkan perasaan kekitaan di kalangan peserta kajian. Dalam kajian ini, seramai lapan orang ahli telah terlibat yang terdiri daripada Pengarah, Timbalan Pengarah Akademik, Pegawai Penyelaras Kunci, empat orang pengkaji dan seorang moderator.

c. Peringkat Ketiga: Permulaan Topik

Setelah selesai pengenalan individu, pengkaji boleh memulakan perbincangan secara umum dengan memperkenalkan topik perbincangan. Kitzienger (1995) menegaskan ada dua bentuk interaksi dalam FGD iaitu, pertama (1) Maklumat pelengkap (perkongsian pengalaman, kebimbangan dan keperluan individu) dan kedua (2) Percanggahan maklumat (persoalan, perdebatan dan cabar mencabar).

Maklumat pelengkap akan membolehkan prinsip interaksi sosial yang mesra dipraktikkan dalam FGD, tetapi percanggahan maklumat berpotensi untuk menjadi konflik. Namun jika ditangani dengan baik, ia akan mendedahkan kepelbagaian idea, pendapat dan kepercayaan di kalangan panel yang memberikan akses kepada maklumat dan idea yang cukup banyak (Bryman 2008). Oleh itu moderator perlu bijak untuk menangani jangkakan interaksi yang bakal timbul dalam FGD. Mereka mesti sentiasa aktif dan cuba hidupkan suasana perbincangan dan galakkan semua orang bercakap dengan menggunakan teknik penyoalan yang baik. Galakkan semua responden bercakap dan elakkan dominasi seorang atau dua orang individu sahaja dalam perbincangan. Ini akan menyebabkan perbincangan menjadi sehalu dan hambar. Warr (2005) berpendapat setiap isu perlu diteliti sama ada ia dipersetujui atau tidak dipersetujui oleh panel FGD. Situasi ini akan menghidup dan memanaskan perbincangan dalam kumpulan. Namun begitu pada moderator perlu bijak mengawal peserta agar tidak terbabas daripada landasan perbincangan dan pastikan perbincangan sentiasa selari dengan topik yang dibincangkan. Interaksi yang baik antara panel dan moderator akan membantu menghasilkan data yang berkualiti untuk tujuan kajian. Justeru, pada peringkat ini moderator perlu bijak untuk menyusun ayat bagi menarik minat panel untuk memulakan perbincangan dan pergi lebih jauh ke dalam isu atau fenomena yang ingin dibincangkan (Robinson, 2009).

d. Peringkat Keempat: Perbincangan

Pada masa ini moderator perlu membuat penyoalan yang relevan dengan isu yang hendak dibincangkan. Ia perlu dijalankan dengan bijak tanpa mewujudkan rasa tidak selesa pada panel-panel perbincangan (Stewart et al., 2007). Ini akan membolehkan panel merasa selesa untuk bercakap dan berbincang tentang isu yang dibangkitkan. Apabila suasana selesa sudah dicipta, moderator perlu memastikan perbincangan berada pada landasan yang betul dan berada di dalam kawalan. Soalan-soalan yang dikemukakan mestilah perlu berpandukan protokol perbincangan yang telah disediakan lebih awal dan moderator boleh membuat soalan susulan bagi merencanakan lagi perbincangan. Pada peringkat ini, ada kemungkinan pengkaji akan merasa hilang kawalan pada perbincangan terutama jika keadaan perbincangan menjadi hangat dan tidak terkawal. Justeru itu menjadi tugas pengkaji untuk menilai keadaan perbincangan dan mengawal keadaan agar perbincangan berlangsung dalam keadaan terkawal. Ia boleh dilakukan menggunakan pemerhatian dan mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan. Pengkaji perlu meneliti semua isu yang dibangkitkan, fahami situasi dan bersedia dengan soalan-soalan susulan. Pengkaji juga boleh menetapkan arah perbincangan jika dirasakan perbincangan itu meleret dan tidak berfokus. Ini akan menjadikan perbincangan pada bahagian ini berjalan dengan lancar dan menghasilkan maklumat-maklumat yang bermanfaat untuk pengkaji (Hennink 2007).

e. Peringkat Keempat: Penutup Perbincangan

Topik terakhir yang hendak dibincang perlu difikir dan disediakan terlebih dahulu oleh pengkaji. Adalah dicadangkan penutup perbincangan dibuat dalam keadaan positif dan dihabiskan sepenuhnya agar tiada ralat (unfinished business) di kalangan peserta kajian. Moderator perlu memberi perhatian agar perbincangan dihabiskan mengikut masa yang telah ditetapkan di awal sesi dan kawal perbincangan apabila masa hampir tamat dengan sentiasa memberi ingatan tentang kesuntukan masa perbincangan serta meminta kesimpulan pada setiap pendapat yang diberi (Liamputtong 2012). Namun begitu moderator perlu memberi ruang dan peluang untuk responden menghabiskan perkara atau isu yang ingin mereka sampaikan (Hennink 2007). Akhirnya, perbincangan ditamatkan dengan mengucapkan terima kasih pada semua responden kajian dan terangkan betapa besarnya sumbangan mereka pada kajian ini dengan membabitkan diri dalam perbincangan. Setelah selesai, tutup pita rakaman dan berikan penghargaan pada semua yang terbabit.

FGD ini akan dijadikan instrumen meneroka isu permasalahan dalam pengendalian kunci di KKMT secara mendalam. Peserta-peserta FGD ini dipilih daripada kalangan warga KKMT yang terlibat dengan pengurusan kunci dan para pengkaji. FGD adalah merupakan pendekatan yang sangat sesuai untuk permasalahan secara mendalam malah FGD telah digunakan sebelum ini sebagai instrumen untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan. Morgan (1997) dan Merton (1987) menegaskan ia mampu bertindak sebagai instrumen kesahan dan kebolehpercayaan kajian kuantitatif atau kualitatif. Ini dibuktikan oleh kajian Ouimet et al. (2001) yang menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tinjauan The National Survey of Student Engagement (NSSE) iaitu The College Student Report, yang telah dibangunkan pada tahun 1998 oleh sepasukan penyelidik yang diketuai oleh Peter Ewell daripada The National Center for Higher Education Management Systems (NCHEMS). Kajian ini berhasil menilai kesahan dan kebolehpercayaan dengan baik sehinggakan pengkaji tersebut mencadangkan ia digunakan untuk menilai lain-lain kajian berkenaan kesahan dan kebolehpercayaan.

3.2 Analisis dokumen

Analisis dokumen telah dijalankan secara *Systematic Review* di mana semua dokumen berkaitan “pengurusan kunci” telah dianalisis. Dokumen itu meliputi Buku Rekod Pengurusan Kunci, Pekeliling berkaitan pengurusan kunci keselamatan, Pekeliling tatacara Pengurusan Aset Kerajaan, Garis Panduan Pengurusan Kunci dan Laporan Aduan Pelanggan KKMT. Analisis dokumen telah dijalankan secara analisis kandungan untuk mengenalpasti isu permasalahan yang wujud dalam rekod dan dokumen braitan permasalahan kunci di KKMT.

4.0 Analisis dan perbincangan kajian

4.1 Analisis perbincangan Focus Group Discussion (FGD)

Kaedah perbincangan kumpulan berfokus atau Focus Group Discussion (FGD) telah berjaya menghuraikan dengan mendalam isu

permasalahan yang membelenggu pengurusan kunci di KKMT. Huraian terperinci adalah dalam bentuk naratif dan dikukuhkan dengan bentuk petikan terperinci temu bual. Secara umumnya, semua responden berpendapat bahawa pengurusan kunci secara sistematik amat penting untuk diintegrasikan dalam pengurusan KKMT sama ada secara berpusat atau tidak. Kebanyakan responden mengatakan mereka melihat pengurusan secara manual mendatangkan banyak kesulitan. Antara ungkapan responden adalah seperti berikut:

“Susah sikit bila buat manual ni...terutama dari segi rekod....kadang buat..kadang tidak”
(FG-PK1)

“Patutnya kita dah tukar pada komputer baru sistematik...takde lagi lupa-lupa ni”
(FG-PK 5)

Hasil analisis tema mendapati tujuh masalah utama yang dikenalpasti dalam pengendalian kunci ialah:

- i. Anak kunci hilang
- ii. Salah letak
- iii. Anak kunci rosak
- iv. Terbawa balik kunci
- v. Lupa merekod peminjaman dan pemulangan
- vi. Kesukaran mengesan peminjam kunci
- vii. Jadual peminjaman dan pemulangan kunci (8.30 am – 5.30 pm) tidak sama dengan jadual kelas (8.00 am – 6.00pm)

Masalah yang hampir sama dikenalpasti oleh Suhaida Jamlus (2003) dalam kajiannya tentang pengurusan pejabat yang cemerlang yang mendapati permasalahan kunci pejabat mampu memberi kesan kepada prestasi sesuatu organisasi. Malah kajian ini juga mencadangkan pengurusan kunci dijalankan secara berkomputer supaya lebih efisien berbanding secara manual.

4.2 Analisis dokumen

Ini disokong oleh analisis dokumen yang menunjukkan pelbagai masalah berkaitan keselamatan telah timbul di mana ada kunci yang hilang, rosak dan salah letak. Ini menyebabkan pihak pengurusan terpaksa mengeluarkan kos untuk penggantian kunci sesuatu tempat. Ini juga boleh menimbulkan persoalan keselamatan bagi ruang-ruang yang sensitif. Jadual 1 menunjukkan kes anak kunci hilang merupakan yang paling kerap dan ini juga melibatkan kos penggantian.

Jadual 1: Analisis kandungan rekod masalah kunci (2010 – 2018)

No	Perkara Keselamatan	Bilangan
1	Rosak	4
2	Salah Letak	5
3	Terbawa balik kunci	3

Manakala analisis kandungan terhadap aduan pelanggan mendapati wujud rungutan daripada warga KKMT berkenaan Sistem Pengendalian kunci KKMT seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Analisis kandungan rekod aduan pelanggan (2010 – 2018)

No	Aduan	Bilangan
1	Sukar untuk meminjam kunci bila staf cuti atau sakit	4
2	Susah untuk mendapatkan kunci di awal pagi	1
3	Susah untuk pulangkan kunci di waktu petang	1
4	Mohon sistem pengendalian kunci yang lebih efektif	2

Hasil kedua-dua analisis ini menunjukkan permasalahan yang berlaku apabila pengendalian secara manual dijalankan. Sedangkan pekeling Perbendaharaan bil 5 2007 – Tatacara pengurusan aset alih kerajaan telah menjelaskan peri pentingnya keselamatan kunci untuk menjamin keselamatan aset kerajaan daripada kecurian atau kerosakan. Ini jelas menunjukkan masalah yang telah dikenalpasti perlu diatasi dan dikendalikan dengan baik. Ini kerana aset kerajaan adalah amanah rakyat kepada kakitangan awam untuk menjaganya.

4.3 Cadangan penyelesaian

Sistem pengendalian kunci KKMT perlu mengambil kira ketersediaan teknologi tanpa wayar bagi tujuan pengembangan projek pada masa akan datang iaitu mewujudkan jaringan awan (cloud internet) untuk perkhidmatan awam di KKMT bagi perkhidmatan urusan pengendalian kunci yang lestari. Ia perlu dihasilkan dengan menggunakan konsep Internet of Thing (IoT) di mana pintu peti kunci yang meyimpan kunci hanya boleh dibuka dengan menggunakan pengimbas cap jari biometrik. Setiap urusan pemulangan atau peminjaman akan dihubungkan dengan pengkalan data yang menyimpan maklumat pensyarah dan rekod simpanan kunci bagi tujuan mengenalpasti peminjam dan pemulang kunci.

Semua kunci akan disimpan secara disentralisasi (tidak berpusat) di mana kunci akan diletakkan pada satu board khas yang di tag menggunakan kod nombor khas untuk setiap bilik. Setiap peti kunci akan menyimpan kunci untuk Unit berbeza dan khas untuk unit itu sahaja seperti Makmal Elektronik akan berada pada peti kunci Unit Elektrik. Manakala bagi ruang yang umum seperti Makmal Bahasa dan sebagainya akan diletakkan pada peti kunci utama yang boleh diakses oleh semua kakitangan. Ini bermakna setiap kunci bagi jabatan atau unit hanya boleh diakses oleh staf jabatan atau unit itu sahaja. Peti kunci ini akan dihubungkan dengan komputer untuk membolehkan Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab memeriksa pergerakan kunci jika wujud keperluan atau berlaku masalah kehilangan kunci

5.0 Cadangan penambahbaikan

Inovasi ini boleh ditambah baik lagi dengan menggunakan konsep berpusat (centralisation) tetapi memerlukan penambahan kos yang tinggi kerana setiap pemegang kunci perlu diletakkan motor kecil untuk mengunci

dan memegang kunci yang disimpan. Ia juga boleh ditukar kepada penggunaan cap jari untuk urusan pengambilan dan pemulangan kunci. Ini boleh meningkatkan lagi keselamatan kunci keselamatan sesuatu jabatan.

6.0 Kesimpulan

Penggunaan kunci secara fizikal masih lagi menjadi keperluan semasa yang belum boleh diganti dengan penggunaan kunci sepenuhnya secara biometric. Sistem biometric masih bergantung pada bekalan kuasa elektrik untuk berfungsi dan penukaran kepada sistem kunci secara biometric memerlukan kos yang tinggi memandangkan kekangan kewangan semasa yang terhad diperuntukan bagi setiap agensi. Oleh itu Sistem pengurusan kunci keselamatan secara berkomputer boleh membantu meningkatkan tahap keselamatan di pejabat dan mengurangkan masalah pengendalian kunci secara manual dari segi perekodan data. Malah ia juga boleh membantu menjimatkan masa, kos dan sumber manusia. Namun begitu perkara yang paling penting adalah keprihatinan dan kesedaran setiap staf sama ada pihak pengurusan atau pekerja bawahan tentang pentingnya keselamatan kunci dan impak kepada organisasi.

Rujukan

Bahagian Khidmat Pengurusan. (2016). *Garis panduan pengurusan kunci keselamatan Kementerian Kesihatan Malaysia*. Putrajaya : KKM.

Barbour, R. (2007). *Doing focus group*. London: Sage Publications.

Berg, B.L. (2004). *Qualitative research methods for the social sciences* (8th Ed). London: Pearson

Bloor, M., Frankland, J., Thomas, M. & Robson, K. (2002). *Focus group in social research*. London: Sage Publication.

Bryman, A. (2008). *Social research methods* (3rd ed). New York: Oxford University Press.

Conradson, D. (2005). *Methods in human geography: a guide for students doing a research project*. Harlow: Pearson-Prentice Hall.

CGSO .(2015). *Arahan keselamatan*. Retrieved from [https://www.slideshare.net/mohamadfaz/ arahan-keselamatan-56505639](https://www.slideshare.net/mohamadfaz/arahan-keselamatan-56505639).

Hennink, M.M. (2007). *International focus group research: A handbook for the health and social science*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kitzinger, J. (1995). Introducing focus group. *British Medical Journal*, 311, 299-302.

Liamputtong, P. (2012). *Focus group methodology: principles and practice*. London: Sage Publications.

Macnaghten, P. & Myers, G. (2004). *Qualitative research practice*. London: Sage Publications.

Malaysia. (2008). *Pekeliling perbendaharaan 135*. Retrieved from http://www.treasury.gov.my/pdf/arahan_perbendaharaan/arahan_perbendaharaan.pdf.

Malaysia. (2008a). *Tatacara pengurusan aset alih kerajaan*. Retrieved from file:///C:/Users/User/Downloads/AM%202%2023042018.pdf

Ouimet, J.A., Carini, R.M., Kuh, G.D., Bunnage, J.C. (2001). *Using focus group to establish the validity and reliability of a college study survey*. Retrieved from <http://cpr.iub.edu/uploads/Ouimet>.

Puvesnesvary, M., Radziah Abdul Rahim, Naidu, R.S., Mastura Badzis, Noor Fadhilah Mat Nayan dan Nor Hashima Abd Aziz. (2008). *Qualitative research: data collection & data analysis techniques*. Sintok: UUM.

Robinson, J. (2009) Laughter and Forgetting: Using focus group to discuss smoking and motherhood in low-income areas in the UK. *International Journal of Qualitative Studies in Education* 22, (3), 263-278.

Stewart, D.W., Shamdasani, P.M. & Rook, D.W. (2007). *Focus group: theory and practice* (2nd Ed). Thousand Oaks, CA: Sage.

Suhaida Jamlus. (2003). *Indikator pengurusan pejabat cemerlang bagi jabatan perdagangan di politeknik*. Tesis Sarjana: UTHM.